

| | |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | UTUSAN MALAYSIA |
| Date | 18 FEB 2015 |

PM yakin Tahun Baharu Cina bawa keharmonian

Komited jayakan gagasan 1Malaysia

WM-18/2/2015

Oleh **HUSSAINI AMRAN**
hussaini.amran@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 17 FEB.

MENJELANG sambutan Tahun Baharu Cina Khamis ini, Datuk Seri Najib Tun Razak memberi jaminan kerajaan akan terus komited dalam menjayakan gagasan 1Malaysia bagi menyatupadukan rakyat menjelang 2020.

Perdana Menteri berkata, Tahun Baharu Cina mengingatkan semua

rakyat tentang aspek kepelbagaian kaum yang menjadikan negara ini luar biasa.

Menurut beliau, kepelbagaian etnik, bahasa dan kepercayaan mesti diraikan, dipelihara serta dipertahankan kerana semua perkara itu melengkapkan kewujudan Malaysia sebagai sebuah negara.

"Kerajaan juga akan terus mempertingkatkan kecekapan dan integriti perkhidmatannya untuk membantu semua komuniti," katanya dalam perutusan sempena Tahun Baharu Cina melalui laman Face-

book beliau hari ini.

Najib menambah, selepas pelbagai cabaran yang dihadapi tahun lalu, Tahun Baharu Cina kali ini akan membuka lembaran baharu untuk negara.

Beliau turut berharap keharmonian dan perpaduan di negara ini akan berterusan seiring dengan ketibaan Tahun Kambing yang dikaitkan dengan keamanan.

"Semoga Tahun Kambing memberikan anda semua kebahagiaan, kemakmuran dan kesihatan yang baik," ujarnya.

Perdana Menteri memberitahu, sambutan Tahun Baharu Cina seharusnya diraikan oleh semua rakyat dengan menyambutnya bersama kenalan dan jiran berketurunan Cina.

"Inilah masanya di mana keluarga dan rakan-rakan berkumpul dengan rasa gembira dan bersyukur serta menghargai yang lama dan berkenalan dengan yang baharu.

"Hari ini kita semua adalah tetamu yang dialu-alukan di rumah jiran-jiran kita yang berketurunan Cina, dalam semangat 1Malaysia yang sebenar, untuk mengalami sendiri kebudayaan kaum Cina yang kaya dengan tradisi," jelasnya.

Najib berkata, beliau sekeluarga sentiasa menghargai layanan mesra yang diberikan oleh kaum Cina di negara ini lebih-lebih lagi semasa sambutan Tahun Baharu Cina.

Beliau turut mempelawa pelancong-pelancong asing untuk bersama-sama merayakan perayaan tersebut dan berharap pengalaman unik yang bakal dilalui akan menjadi sumber inspirasi kepada mereka.

